

PM lancar Gabem di PWTC 6 Jun

Oleh NOR SEDEK ISMAIL

SIMPANG RENGAM 28 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual merasmikan Gabungan Badan Ekonomi Melayu Malaysia (Gabem) yang baru ditubuhkan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 6 Jun ini.

Pengerusi Gabem, Tan Sri Rahim Tamby Chik berkata, ia merupakan langkah permulaan bagi membolehkan Gabem yang ditubuhkan untuk membantu usahawan Melayu

Meskipun sudah ada banyak agensi berperanan membantu usahawan Melayu, tetapi mereka tidak bersatu dan aktiviti hanya bermusim

dalam perniagaan, dapat berjalan lebih lancar.

Beliau berkata, ia dianggotai 11 ahli majlis perundingan yang mahir dalam pelbagai bidang serta dipengerusikan oleh Ahli Majlis Tertinggi (MT)

UMNO.

"Gabem dipengerusikan oleh ahli MT, sekali gus membolehkan Presiden parti membuat keputusan segera dan tepat berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Gabem kepada MT

RAHIM TAMBY CHIK
Pengerusi
Gabungan Badan
Ekonomi Melayu
Malaysia

mengenai masalah perniagaan orang Melayu," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas majlis penerangan Hal Ehwal Semasa anjuran UMNO Bahagian Simpang Renggam di Balai Raya Rumah Murah Fasa 3, Renggam dekat sini petang semalam.

Rahim menjelaskan, menerusi Gabem, usahawan Melayu dihimpunkan di bawah satu payung dengan harapan perniagaan dapat dionjukkan sehingga syarikat mereka disenaraikan di Bursa Malaysia.

"Meskipun sudah ada banyak agen-

si berperanan membantu usahawan Melayu selama ini, tetapi mereka tidak bersatu dan aktiviti hanya bermusim," katanya.

Beliau menambah, Gabem diyakini mampu menambah penglibatan usahawan Melayu dalam berkongsi lebih banyak kek ekonomi negara dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Menurut beliau, Gabem juga akan menjadi mekanisme dalam memantau permasalahan dan cabaran semasa ekonomi bumiputera dan mencari formula menanganinya.

Um- 29/5/2006.